

07/07/1999

Wanita giat beri penjelasan kepada akar umbi

KUALA LUMPUR, Selasa - Pergerakan Wanita Umno akan memperhebatkan lagi jentera penerangan bagi menjelaskan keadaan politik semasa kepada ahli dan akar umbi seperti yang diarahkan oleh Majlis Tertinggi (MT) yang bermesyuarat semalam.

Ketuanya, Datuk Dr Siti Zaharah Sulaiman, berkata sebenarnya usaha itu adalah berterusan dan pihaknya sudah mengambil iktibar daripada senario politik semasa sejak beberapa ketika dulu dan turun ke peringkat akar umbi bagi memberi penjelasan.

"Kita berpendapat usaha ini harus ditingkatkan dan akan mengerakkan jentera sama ada di peringkat cawangan atau bahagian bagi menyampaikan maklumat yang tepat kepada ahli dan penyokong," katanya ketika dihubungi di sini hari ini.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas arahan MT kepada Pemuda dan Wanita Umno, ahli MT dan Menteri Besar serta Ketua Menteri untuk memberi penjelasan keadaan politik semasa kepada ahli serta penyokong Umno.

Semalam, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata MT turut mengkaji kedudukan politik semasa negara dan mendapati usaha masih perlu dibuat untuk memberikan penjelasan kepada ahli dan penyokong Umno yang akan diuruskan oleh pihak berkenaan.

Dr Siti Zaharah berkata, Wanita akan terus turun padang dengan pengemblengan semua peringkat bagi tujuan itu, selain mendapatkan maklum balas daripada ahli dan penyokong Umno.

"Usaha ini perlu bagi mengelakkan mereka dieksploitasi oleh mana-mana pihak sebagai persiapan menghadapi pilihan raya akan datang," katanya.

(END)